



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

GAYA PEMBELAJARAN DAN SIKAP MEMPENGARUHI PENCAPAIAN MATA PELAJARAN EKONOMI STPM

NORHASYIMAH BINTI JAMIL



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KERTAS PROJEK YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENGAJIAN PERNIAGAAN)**

**FAKULTI PERNIAGAAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2007



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

10 APRIL 2007

NORHASYIMAH BINTI JAMIL
M20031001237





PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t. dan Salam Sejahtera

Saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi yang maha pemurah lagi maha pengasih kerana dengan kurniaNya saya dapat menyempurnakan penyelidikan ini.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada penyelia saya, En. Ibrahim Tamby Chek dan Pn. Zuriadah Ismail yang banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada saya. Kesediaan beliau berdua meluangkan masa serta kesabaran yang ditunjukkan menjadi pendorong utama untuk saya terus berusaha bersungguh-sungguh menyiapkan projek penyelidikan ini. Teguran yang bernas serta idea-idea yang diutarakan menjadi pedoman serta kemudi sepanjang saya menjalankan kajian ini.

Ucapan terima kasih saya juga ditujukan kepada pihak pentadbir, guru-guru dan pelajar-pelajar di sekolah-sekolah yang mana kajian saya dijalankan dan telah memberi kerjasama sepenuhnya kepada saya sepanjang saya membuat kajian ini.

Akhir sekali ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan ini juga saya tujukan khas kepada insan-insan yang memahami tugas ini terutamanya ayah dan ibu tercinta, En. Jamil Yahya dan Pn. Ramlah Ariffin, serta abang dan adik-adik saya, pihak pentadbir sekolah dan rakan-rakan saya yang banyak berkorban dan membantu saya dalam melengkapkan projek ini.

Akhir kata, sekalung doa untuk semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan projek ilmiah ini.

TERIMA KASIH





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengaruh gaya pembelajaran dan sikap terhadap pencapaian mata pelajaran Ekonomi STPM. Selain itu, kajian ini juga melihat hubungan di antara bangsa dan jantina terhadap gaya pembelajaran dan pencapaian mata pelajaran Ekonomi STPM. Kajian ini telah dijalankan di tiga buah sekolah menengah di Teluk Intan, Perak. Sampel kajian adalah terdiri daripada pelajar Tingkatan 6 di ketiga-tiga buah sekolah kajian. Instrumen kajian yang digunakan adalah soal selidik. Bahagian A mengandungi soalan-soalan berkaitan dengan maklumat am latar belakang responden, Bahagian B terdiri daripada 44 item gaya pembelajaran diambil dari Felder and Solomon's Index of Learning Styles dan Bahagian C mengandungi 20 item sikap yang diambil dan diubahsuai dari Aiken Mathematics Attitude Scale. Alat ujian yang telah digunakan adalah Analisis Frekuensi, Crosstabulation dan Regresi Linear. Dapatan kajian menunjukkan wujudnya hubungan di antara gaya pembelajaran dan sikap dengan pencapaian mata pelajaran Ekonomi STPM. Kajian juga mendapati wujudnya hubungan di antara bangsa dan jantina dengan gaya pembelajaran mata pelajaran Ekonomi STPM.





ABSTRACT

The purpose of this research is to study the influence of learning styles on the student's achievements based on the subject Economics for Form 6 students. Besides, this research also serves to establish the bearing of student's performance in relation to race and gender on learning styles. This research has been conducted in three schools based in Teluk Intan, Perak and the sample consists of Form 6 students from these schools. The instrument used is questionnaires. It comprises of three sections with Section A dealing with background of the respondents, Section B is made up of 44 items on learning styles sourced from Felder and Solomon's Index of Learning Styles whereas Section C consists of 20 behavioural items taken and adapted from Aiken Mathematics Attitude Scale. Frequency Analyses, Crosstabulation and Linear Regression were used to analyse the data collected. It is found that the results reflect a link in learning styles behaviour to student's achievements. Furthermore, the results also show that race and gender also influence the students' learning styles for the subject in question, namely, Economics for Form 6.



KANDUNGAN

	Muka surat
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	xii
LAMPIRAN	xiii
BAB 1	PENDAHULUAN
1.1	Pengenalan 1
1.2	Latar Belakang Kajian 5
1.3	Kedudukan Mata Pelajaran Ekonomi 5
1.4	Latar Belakang pelajar-pelajar yang mengambil mata pelajaran Ekonomi STPM 6
1.5	Pernyataan Masalah 7
1.6	Soalan Penyelidikan 8
1.7	Objektif Penyelidikan 9
1.8	Hipotesis Kajian 10
1.9	Kepentingan Kajian 11
1.10	Batasan Kajian 12
1.11	Definisi Istilah 13

**BAB 2 TINJAUAN LITERATUR**

- 2.1 Model 21
- 2.2 Model Felder-Silverman 24

BAB 3 METODOLOGI

- 3.1 Pengenalan 26
- 3.2 Rekabentuk Kajian 26
- 3.3 Instrumen Kajian 27
- 3.4 Kajian Rintis 31
- 3.5 Persampelan Kajian 32
- 3.6 Analisis Data 32

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

- 4.1 Pengenalan 34
- 4.2 Analisis Deskriptif 34
- 4.3 Analisis Inferensi 41
- 4.3.1 Sikap Terhadap Pencapaian Mata Pelajaran
Ekonomi 41
- 4.3.2 Pengujian Hipotesis 73

BAB 5 RUMUSAN DAN PERBINCANGAN

- 5.1 Faktor Bangsa 81
- 5.2 Faktor Sikap 82
- 5.3 Faktor Jantina 83
- 5.4 Membandingkan faktor gaya pembelajaran yang paling
Mempengaruhi pencapaian pelajar dalam mata pelajaran
Ekonomi STPM 84
- 5.5 Implikasi dan Aplikasi Kajian 85





5.6 Ringkasan dan Cadangan

85

RUJUKAN

87

LAMPIRAN A



**SENARAI JADUAL**

Jadual		muka surat
1.1	Analisis Pencapaian Ekonomi STPM Mengikut Sekolah Dari Tahun 2001 Hingga 2005	7
1.2	Analisis Pencapaian Ekonomi STPM Peringkat Kebangsaan Dari Tahun 2001 Hingga 2005	8
3.1	Item soal selidik mengikut empat skala dimensi gaya pembelajaran	28
3.2	Item soal selidik mengikut sikap	30
3.3	Skor Darjah Persetujuan Jawapan bagi item Sikap	31
3.4	Jenis Analisa yang dijalankan dan Alat Ujian yang digunakan	32
4.1	Taburan Peratusan Responden Mengikut Jantina	35
4.2	Taburan Peratusan Responden Mengikut Sekolah	36
4.3	Taburan Peratusan Responden Mengikut Gred Ekonomi SPM	36
4.4	Taburan Peratusan Responden Mengikut Bangsa	37
4.5	Taburan Peratusan Responden Mengikut Gaya Pembelajaran Aktif-Reflektif	38
4.6	Taburan Peratusan Responden Mengikut Gaya Pembelajaran Sensor-Intuitif	38
4.7	Taburan Peratusan Responden Mengikut Gaya Pembelajaran Visual-Verbal	39
4.8	Taburan Peratusan Responden Mengikut Gaya Pembelajaran Sekuen-Global	40
4.9	Taburan Peratusan Responden Mengikut Sikap	41
4.10	Gred Ekonomi SPM* dan Saya sentiasa berasa tertekan di dalam kelas mata pelajaran Ekonomi	42





- | | | |
|------|---|----|
| 4.11 | Gred Ekonomi SPM* dan Mata pelajaran Ekonomi sangat menarik kepada saya, dan saya seronok mempelajarinya | 43 |
| 4.12 | Gred Ekonomi SPM* dan Saya tidak suka mata pelajaran Ekonomi, dan menakutkan saya untuk mempelajarinya | 45 |
| 4.13 | Gred Ekonomi SPM* dan Mata pelajaran Ekonomi adalah menarik dan mengembirakan | 46 |
| 4.14 | Gred Ekonomi SPM* dan Mata pelajaran Ekonomi membuat saya berasa selamat, dan menggalakkan saya untuk mempelajarinya | 48 |
| 4.15 | Gred Ekonomi SPM* dan Fikiran saya kosong dan saya tidak dapat berfikir dengan jelas apabila mempelajari mata pelajaran Ekonomi | 49 |
| 4.16 | Gred Ekonomi SPM* dan Saya berasa tidak selamat apabila mempelajari mata pelajaran Ekonomi | 51 |
| 4.17 | Gred Ekonomi SPM* dan Mata pelajaran Ekonomi membuat saya berasa tidak selesa, gelisah, lekas marah dan tidak sabar | 53 |
| 4.18 | Gred Ekonomi SPM* dan Perasaan yang saya ada terhadap mata pelajaran Ekonomi adalah satu perasaan yang baik | 54 |
| 4.19 | Gred Ekonomi SPM* dan Mata pelajaran Ekonomi membuat saya berasa seperti tersesat dalam sebuah hutan dan tidak dapat mencari jalan keluar | 56 |
| 4.20 | Gred Ekonomi SPM* dan Mata pelajaran Ekonomi adalah Menyeronokkan | 58 |
| 4.21 | Gred Ekonomi SPM* dan Apabila saya mendengar perkataan ekonomi, saya mempunyai satu perasaan tidak suka | 59 |
| 4.22 | Gred Ekonomi SPM* dan Mata pelajaran Ekonomi menimbulkan rasa ragu-ragu akibat daripada satu ketakutan tidak mampu untuk mempelajari mata pelajaran ini | 61 |
| 4.23 | Gred Ekonomi SPM* dan Saya sangat suka mata pelajaran Ekonomi | 62 |
| 4.24 | Gred Ekonomi SPM* dan Mata pelajaran Ekonomi adalah mata pelajaran di sekolah yang saya seronok mempelajarinya | 64 |
| 4.25 | Gred Ekonomi SPM* dan Mata pelajaran Ekonomi membuat saya risau untuk memikirkan cara menyelesaikan masalah dalam mata pelajaran ini | 65 |





- | | | |
|------|---|----|
| 4.26 | Gred Ekonomi SPM* dan Saya tidak pernah menyukai mata pelajaran Ekonomi, dan mata pelajaran ini adalah yang paling saya takuti | 67 |
| 4.27 | Gred Ekonomi SPM* dan Saya lebih gembira dalam kelas mata pelajaran Ekonomi berbanding kelas-kelas mata pelajaran lain | 69 |
| 4.28 | Gred Ekonomi SPM* dan Saya berasa selesa dalam kelas mata pelajaran Ekonomi, dan saya sangat sukakannya | 70 |
| 4.29 | Gred Ekonomi SPM* dan Saya memberi tindak balas yang positif untuk mata pelajaran Ekonomi kerana mata pelajaran ini menyeronokkan | 72 |





SENARAI RAJAH

Rajah

muka surat

- 3.1 Kerangka Kajian Hubungan di antara Gaya Pembelajaran
dan Sikap dengan Pencapaian mata pelajaran Ekonomi
STPM

27





LAMPIRAN

A Analisis Keputusan Peperiksaan STPM SMK Horley Methodist, SMK St Anthony dan SMK Seri Perak Tahun 2001-2005





BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Kaedah mengajar dan amalan pedagogi yang disokong oleh kajian empirikal adalah rujukan bagi seseorang guru dalam suatu bidang yang khusus untuk menguasai dan melaksanakannya di dalam bilik darjah.

Selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek, maka sistem pendidikan di Malaysia harus menekankan kepentingan memahami perbezaan individu di kalangan pelajar bagi meningkatkan potensi pengajaran dan pembelajaran. Perbezaan individu merupakan ciri yang membezakan seorang individu dengan individu yang lain. Dari segi fizikal, individu jelas berbeza dari segi jantina, bentuk fizikal badan, tahap kesihatan dan sebagainya. Dari segi kognitif, perbezaan dilihat dari segi keupayaan melakukan persepsi, pemahaman, menyelesaikan masalah,





membuat keputusan dan menunjukkan respon terhadap maklumat yang diterima. Manakala, dari segi afektif, individu berbeza dari sudut personaliti, kecenderungan perasaan, tanggungjawab, motivasi dan tahap interaksi dengan rakan sebaya. Walaubagaimanapun, perbezaan individu dari segi gaya kognitif dan gaya belajar memberi kesan yang mendalam terhadap perkembangan potensi pembelajaran di kalangan pelajar.

Domain kognitif, psikomotor, dan afektif mula diperkenalkan oleh Bloom dan rakan-rakannya (1956)(seperti dalam Bell, et. al (2004)) telah dibincangkan, dikaji dan dilaksanakan oleh guru-guru. Guru-guru merancang pengajaran dan mewujudkan prestasi atau gelagat berdasarkan beberapa aras iaitu kognitif, afektif, atau psikomotor yang boleh dicapai oleh pelajar mereka. Terdapat pelbagai strategi dan kaedah yang boleh digunakan oleh guru ke arah pengajaran yang lebih berkesan: Pelajar-pelajar boleh diletakkan dalam pasangan untuk tujuan perkongsian pembelajaran; guru-guru boleh membentuk kumpulan perbincangan di kalangan pelajar untuk membincangkan topik-topik tertentu; guru-guru boleh merancang pembelajaran koperatif atau kolaboratif; guru-guru mungkin mengajar dalam bentuk syarahan; guru mungkin menyoal pelajar di permulaan kelas sekali atau dua kali seminggu bagi memastikan pelajar memahami apa yang telah diajar; guru-guru mungkin memberi gred kerja rumah bagi memastikan pelajar menyiapkan tugas yang diberi; guru-guru mungkin membahagikan pelajar-pelajar kepada kumpulan bagi membentangkan sesuatu tajuk yang diberi.

Cross (1999)(seperti dalam Bell, et. al (2004)) mengemukakan pendapat melalui penyelidikan, ia akan membawa kita ke suatu tahap pemahaman yang lebih mendalam berbanding dengan kajian-kajian yang terdahulu. Penyelidik harus berkongsi pengalaman dalam pembelajaran dengan rakan sekerja. Jika kita



mementingkan pembelajaran, kita perlu tahu apa yang dicari (melalui penyelidikan), menilai diri kita dalam pembelajaran sepanjang hayat (refleksi diri), dan sensitif tentang pembelajaran pelajar-pelajar yang kita lihat di hadapan kita setiap hari.

Pembelajaran pelajar adalah amat penting kepada guru dan pelajar. Guru-guru mendapat kepuasan daripada pembelajaran pelajar. Bagaimanapun, adalah penting bahawa guru mengetahui apa yang mereka lakukan dalam bilik darjah adalah berkesan. Persoalan yang timbul adalah: Apakah kaedah terbaik untuk arahan bilik darjah dan pembelajaran pelajar? Walaupun tiada “peluru-peluru sakti” dalam pengajaran (maksudnya tiada pendekatan pembelajaran tertentu yang boleh diamalkan oleh guru untuk memaksimumkan pembelajaran pelajar sepanjang masa), tetapi terdapat amalan-amalan yang lebih baik daripada yang lain.

Pengukuhan positif, pembelajaran menghindar, hukuman, dan kepupusan adalah berkesan. Memberi kuiz kepada pelajar bagi menggalakkan pelajar membaca adalah sebahagian daripada teori pengukuhan. Skala penggredan “A” hingga “F” adalah merupakan faktor pendorong positif. Guru hendaklah memberi masa kepada pelajar untuk menjawab selepas soalan ditanya ataupun bekerja di dalam kumpulan.

Pelajar-pelajar perlu menimbang ciri-ciri yang ada pada diri mereka sama ada: visual, auditori (pendengaran) dan kinestetik (pergerakan). Pelajar-pelajar visual belajar melalui melihat, pelajar-pelajar auditori belajar melalui mendengar dan pelajar-pelajar kinestetik belajar melalui pergerakan, perbuatan dan sentuhan. Oleh itu, pelajar boleh menentukan cara terbaik sama ada secara langsung (contoh, chat) atau tidak langsung (contoh perbincangan) perbincangan dalam kelas, kuiz dan peperiksaan.

Pencapaian akademik adalah sesuatu yang dijadikan ukuran dalam menentukan kejayaan seseorang dalam kehidupan. Dunia yang semakin global dan



penyempitan cabaran dalam menuju era kemajuan memerlukan pelajar yang terbaik dan cemerlang dalam semua perkara untuk dijadikan aset negara. Remaja yang mempunyai pencapaian akademik yang cemerlang mempunyai peluang yang besar untuk membina kerjaya dan menjawat jawatan profesional dalam sektor pekerjaan (Hassan Ali, 1999).

Namun terdapat juga pembolehubah-pembolehubah lain yang menjadi halangan kepada pencapaian akademik pelajar seperti sikap pelajar, tidak yakin pada diri, kekurangan sokongan ibu bapa, ancaman stereotaip (Steele, 1999) dan kekurangan pendekatan pengajaran yang sesuai bagi mendorong pelajar-pelajar yang lemah ini.

Sering kali kita mendengar rungutan-rungutan dari guru-guru, ibubapa dan masyarakat tentang pencapaian akademik yang rendah khususnya pelajar-pelajar bumiputera. Menurut Awang Had Salleh (1986), prestasi akademik di kalangan pelajar bumiputera adalah berbeza dan secara keseluruhannya prestasi mereka adalah sederhana dan lebih rendah jika dibandingkan dengan prestasi pelajar bukan bumiputera. Walau bagaimanapun terdapat juga pelajar bumiputera yang mencapai kecemerlangan dalam akademik tetapi jumlah mereka adalah kecil berbanding dengan pelajar bukan bumiputera.

Dengan bertambahnya populasi di sekolah, setiap pelajar berbeza dari segi nilai dan sikap, dan gaya pembelajaran. Setiap seorang pelajar ini adalah unik dan mempunyai cara mereka sendiri melihat kepada sesuatu perkara. Oleh itu, ia adalah mencabar, jika tidak mustahil, untuk menunaikan janji bahawa tiada seorang pun akan tertinggal di belakang (pencapaian rendah adalah jelas), memandangkan pelajar akan membawa dunia uniknya dari rumah ke sekolah (Mubenga, 2006).



1.2 Latar Belakang Kajian

Ini adalah satu kajian kes terhadap pencapaian akademik dalam matapelajaran ekonomi di kalangan pelajar tingkatan enam dan faktor-faktor yang mempengaruhinya.

Pencapaian rendah pelajar menjadi satu fenomena yang sering diperkatakan oleh masyarakat. Kajian akan melihat apakah kemungkinan yang menjadi faktor yang menyumbang kepada pencapaian rendah di kalangan pelajar SMK Seri Perak, SMK Saint Anthony dan SMK Horley Methodist di Teluk Intan.

1.3 Kedudukan Mata Pelajaran Ekonomi

Mata pelajaran Ekonomi STPM (Kod 944) adalah salah satu daripada mata pelajaran pilihan untuk pelajar-pelajar dari kedua-dua aliran sastera dan sains Tingkatan 6. Mata pelajaran ini merupakan matapelajaran yang pertama kali ditawarkan kepada mereka di sepanjang pengalaman persekolahan mereka tidak seperti matapelajaran lain.

Struktur mata pelajaran ekonomi telah mengalami beberapa kali perubahan (Ismail dan Zainal Abidin, 1985). Sebelum tahun 1972, kertas peperiksaan mata pelajaran Ekonomi Higher School Certificate (HSC) ketika itu terbahagi kepada dua bahagian iaitu Ekonomi Mikro dan Ekonomi Makro. Kedua-duanya berbentuk esei. Bermula tahun 1972, Ekonomi Sijil Tinggi Persekolahan (STP) terbahagi kepada kertas peperiksaan iaitu Kertas Peperiksaan 1 berbentuk objektif dan Kertas Peperiksaan II berbentuk esei. Bermula dari tahun 1983 pula, sekali lagi ia mengalami perubahan bentuk di mana kertas Ekonomi Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dibahagikan kepada tiga kertas : Kertas 1 berbentuk objektif, Kertas 2

berbentuk statistik dan Kertas 3 berbentuk esei. Wajaran untuk kertas-kertas ini juga diubah menjadi 30% untuk Kertas 1, 10% untuk Kertas 2 dan 60% untuk Kertas 3. Tahun 1992 perubahan format kertas peperiksaan Ekonomi STPM kepada Kertas 1 berbentuk objektif, Kertas 2 Ekonomi Mikro dan Kertas 3 Ekonomi Makro. Perubahan format baru peperiksaan adalah pada tahun 2002 iaitu mata pelajaran ini dibahagikan kepada dua kertas, iaitu Kertas 1, Mikroekonomi dan Kertas 2, Makroekonomi berbanding dengan tiga kertas sebelum ini. Kedua-dua kertas mengandungi empat bahagian, iaitu Bahagian A, soalan aneka pilihan; Bahagian B, soalan esei ringkas; Bahagian C, soalan esei; dan Bahagian D, soalan kuantitatif. Wajaran 50% untuk Kertas 1 dan 50% untuk Kertas 2.

Mata pelajaran Ekonomi STPM merupakan mata pelajaran yang diambil oleh majoriti calon-calon peperiksaan STPM setiap tahun (Abdul Rashid Md. Nor, 1985). Pada tahun 2002 sebanyak 17 421 orang calon telah mengambil mata pelajaran Ekonomi manakala pada tahun 2004 sebanyak 29 933 orang calon telah mengambil mata pelajaran Ekonomi. Pertambahan calon adalah sebanyak 12 512 orang (Laporan Peperiksaan STPM).

1.4 Latar Belakang pelajar-pelajar yang mengambil mata pelajaran

Ekonomi STPM

Pada umumnya, pelajar-pelajar yang berada di Tingkatan 6 sekolah kerajaan mempunyai latar belakang akademik yang berbeza (Ismail dan Zainal Abidin, 1985). Terdapat mereka yang berasal dari aliran Sains dan Sastera semasa Tingkatan 5 dahulu.



Pelajar-pelajar dari aliran Sastera kebanyakannya tidak mempunyai asas Matematik yang kukuh. Satu faktor lagi yang agak serius ialah kelewatan kemasukan setengah-setengah pelajar ke Tingkatan 6 atas kes rayuan. Kelewatan kemasukan ini menyebabkan pelajar-pelajar ini ketinggalan mempelajari konsep-konsep asas yang biasanya diajar awal mengikut keperluan sukatan pelajaran dan merupakan latar belakang yang penting kepada fahaman selanjutnya dalam pembelajaran mata pelajaran Ekonomi. Kesemua ini meluaskan jurang perbezaan latar belakang akademik pelajar-pelajar.

1.5 Pernyataan masalah

Apabila keputusan peperiksaan STPM diumumkan tiap-tiap tahun, keputusan Ekonomi akan menarik perhatian ramai orang. Ini adalah kerana peratus kelulusan bagi mata pelajaran ini semakin merosot di antara semua mata pelajaran STPM.

Jadual 1.1

**Analisis Pencapaian Ekonomi STPM Mengikut Sekolah
Dari Tahun 2001 Hingga 2005**

SEKOLAH	(% BIL PELAJAR LULUS)				
	2001	2002	2003	2004	2005
SMK Seri Perak	30.30	17.86	27.78	13.98	26.92
SMK Horley Methodist	81.82	89.29	74.40	64.71	54.24
SMK St Anthony	51.90	61.60	64.50	55.70	41.00



Jadual 1.2**Analisis Pencapaian Ekonomi STPM Peringkat Kebangsaan****Dari Tahun 2001 Hingga 2005**

TAHUN	(% BIL PELAJAR LULUS)
2001	58.00
2002	57.13
2003	54.42
2004	51.33
2005	51.20

Secara amnya, penyelidik hanya memilih sekolah-sekolah menengah harian (yang dimaksudkan sebagai sekolah menengah harian ialah sekolah-sekolah bantuan penuh kerajaan) dan bantuan modal di bandar Teluk Intan sebagai populasi kajian. Penyelidik hanya memilih 3 buah sekolah yang mempunyai calon STPM bagi mata pelajaran Ekonomi bermula tahun 2001.

Kajian akan melihat apakah kemungkinan yang menjadi faktor penyumbang kepada kemerosotan pencapaian di kalangan pelajar SMK Seri Perak, SMK Saint Anthony dan SMK Horley Methodist di Teluk Intan.

1.6 Soalan penyelidikan

1. Adakah terdapat hubungan di antara faktor bangsa dengan gaya pembelajaran mata pelajaran Ekonomi STPM?
2. Adakah terdapat hubungan di antara faktor sikap dengan gaya pembelajaran mata pelajaran Ekonomi STPM?



3. Adakah terdapat hubungan di antara faktor jantina dengan gaya pembelajaran mata pelajaran Ekonomi STPM?
4. Adakah terdapat hubungan di antara faktor sikap terhadap pencapaian mata pelajaran Ekonomi STPM?
5. Perbandingan faktor gaya pembelajaran manakah lebih mempengaruhi pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Ekonomi STPM?

1.7 Objektif penyelidikan

Objektif kajian ini adalah untuk memahami faktor yang mempengaruhi tahap pencapaian akademik dalam matapelajaran ekonomi di kalangan pelajar tingkatan enam. Secara khususnya, objektif kajian ini bertujuan untuk :

1. Mengenalpasti hubungan di antara faktor bangsa dengan gaya pembelajaran mata pelajaran Ekonomi STPM.
2. Mengenalpasti hubungan di antara faktor sikap dengan gaya pembelajaran mata pelajaran Ekonomi STPM.
3. Mengenalpasti hubungan di antara faktor jantina dengan gaya pembelajaran mata pelajaran Ekonomi STPM.
4. Mengenalpasti hubungan di antara faktor sikap terhadap pencapaian mata pelajaran Ekonomi STPM.
5. Mengenalpasti faktor gaya pembelajaran yang paling mempengaruhi pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Ekonomi STPM.



1.8 Hipotesis Kajian

Sesuatu hipotesis itu diuji berasaskan fenomena yang dilihat dengan membuat andaian bahawa fenomena tersebut berkait rapat dengan perubahan-perubahan atau fenomena lain. Oleh itu, berdasarkan tujuan kajian yang dinyatakan, 20 hipotesis nol telah dibina untuk diuji.

1. Tidak ada hubungan di antara faktor bangsa dengan gaya pembelajaran Aktif-Reflektif.
2. Tidak ada hubungan di antara faktor bangsa dengan gaya pembelajaran Sensor-Intuitif.
3. Tidak ada hubungan di antara faktor bangsa dengan gaya pembelajaran Visual-Verbal.
4. Tidak ada hubungan di antara faktor bangsa dengan gaya pembelajaran Sekuen-Global.
5. Tidak ada hubungan di antara faktor sikap positif dengan gaya pembelajaran Aktif-Reflektif.
6. Tidak ada hubungan di antara faktor sikap positif dengan gaya pembelajaran Sensor-Intuitif.
7. Tidak ada hubungan di antara faktor sikap positif dengan gaya pembelajaran Visual-Verbal.
8. Tidak ada hubungan di antara faktor sikap positif dengan gaya pembelajaran Sekuen-Global.
9. Tidak ada hubungan di antara faktor sikap negatif dengan gaya pembelajaran Aktif-Reflektif.
10. Tidak ada hubungan di antara faktor sikap negatif dengan gaya pembelajaran Sensor-Intuitif.

11. Tidak ada hubungan di antara faktor sikap negatif dengan gaya pembelajaran Visual-Verbal.
12. Tidak ada hubungan di antara faktor sikap negatif dengan gaya pembelajaran Sekuen-Global.
13. Tidak ada hubungan di antaran faktor jantina dengan gaya pembelajaran Aktif-Reflektif.
14. Tidak ada hubungan di antara faktor jantina dengan gaya pembelajaran Sensor-Intuitif.
15. Tidak ada hubungan di antara faktor jantina dengan gaya pembelajaran Visual-Verbal.
16. Tidak ada hubungan di antara faktor jantina dengan gaya pembelajaran Sekuen-Global.
17. Tidak ada hubungan di antara faktor gaya pembelajaran Aktif-Reflektif dengan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Ekonomi STPM.
18. Tidak ada hubungan di antara faktor gaya pembelajaran Sensor-Intuitif dengan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Ekonomi STPM.
19. Tidak ada hubungan di antara faktor gaya pembelajaran Visual-Verbal dengan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Ekonomi STPM.
20. Tidak ada hubungan di antara faktor gaya pembelajaran Sekuen-Global dengan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Ekonomi STPM.

1.9 Kepentingan Kajian

Hasil dari kajian ini dapat menjelaskan gaya pembelajaran dan sikap pelajar terhadap pencapaian mata pelajaran Ekonomi STPM. Kajian ini dapat membantu guru

mengenalpasti perbezaan gaya pembelajaran pelajar dan mengenalpasti cara pengajaran yang berkesan untuk disampaikan kepada pelajar.

Selain itu, kajian ini juga boleh digunakan oleh guru-guru mata pelajaran lain bagi memastikan guru memahami gaya pembelajaran pelajar adalah berbeza antara seorang pelajar dengan pelajar yang lain.

Menurut Woolfolk (1998), variasi gaya kognitif dan gaya belajar berlaku kerana orientasi yang digunakan oleh pelajar terhadap alam sekeliling berbeza mengikut kecenderungan masing-masing. Dalam usaha untuk meningkatkan potensi pembelajaran pelajar, maka guru harus diberi maklumat dan kemahiran tentang pelbagai teori dan aplikasi gaya kognitif serta gaya belajar yang dimiliki oleh setiap pelajar. Pelajar pula perlu diberi peluang untuk belajar di dalam situasi, sumber, dan kaedah penyampaian sehinggalah mereka dapat mengenalpasti kaedah manakah yang paling sesuai (Ast, 1988). Oleh itu, Gregorc dan Ward (1977) menyatakan, jika guru mahu memenuhi setiap keperluan pembelajaran pelajar, maka guru terlebih dahulu harus memahami maksud perbezaan individu itu sendiri dan mengaitkan gaya mengajar mereka dengan gaya kognitif serta gaya belajar yang dimiliki oleh pelajar.

1.10 Batasan Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah tertumpu kepada pelajar-pelajar di sekolah sampel iaitu SMK St Anthony, SMK Horley Methodist dan SMK Seri Perak sahaja. Maklumat hanya diperolehi dari pelajar tingkatan enam di sekolah-sekolah tersebut. Segala dapatan daripada kajian hanya boleh menggambarkan gaya pembelajaran dan sikap pelajar-pelajar di sekolah kajian. Setiap pelajar di setiap sekolah mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza terhadap pencapaian mata pelajaran Ekonomi

STPM. Maka dapatan dari kajian ini tidak dapat menggambarkan atau mewakili dapatan dari sekolah-sekolah lain jika kajian yang sama dijalankan.

1.11 Definisi Istilah

1.11.1 Pelajar aktif dan reflektif

Menurut Felder & Soloman (2001) pelajar aktif memahami maklumat dengan melakukan perbincangan atau mengaplikasikannya atau menerangkannya kepada orang lain. Pelajar reflektif memilih untuk memikirkan maklumat itu terlebih dahulu. "Mari kita mencubanya dan lihat bagaimana ia berfungsi" adalah satu frasa bagi pelajar aktif; dan "Mari berfikir dahulu tentangnya" adalah maklum balas pelajar reflektif. Pelajar aktif suka bekerja dalam kumpulan manakala pelajar reflektif suka bekerja secara bersendirian. Mendengar pengajaran guru dan mengambil nota tanpa melakukan sesuatu aktiviti fizikal adalah amat sukar bagi pelajar aktif dan pelajar reflektif tetapi kesannya lebih kepada pelajar aktif.

Menurut Felder & Soloman (2001) semua individu adalah kadangkala aktif dan kadangkala reflektif. Kebarangkalian seseorang untuk berada dalam salah satu kategori mungkin boleh jadi kuat, sederhana, atau lemah. Tetapi jika keseimbangan wujud bagi kedua-dua kategori adalah lebih baik. Jika seseorang selalu bertindak sebelum berfikir mungkin perkara yang dilakukan tidak sempurna dan mengundang masalah. Manakala jika seseorang mengambil masa terlalu lama untuk berfikir mungkin tidak ada satu perkara pun yang dapat dilakukan.

1.11.2 Pelajar sensor dan intuitif

Menurut Felder & Soloman (2001) pelajar sensor menyukai pembelajaran berbentuk fakta manakala pelajar intuitif sering memilih penemuan kemungkinan-kemungkinan dan hubungan-hubungan. Pelajar sensor sering menyelesaikan masalah melalui kaedah yang telah ditetapkan. Pelajar intuitif menyukai inovasi. Pelajar sensor boleh menghafal fakta dengan baik. Pelajar intuitif cenderung kepada penyelesaian matematik. Pelajar sensor lebih praktikal dan berhati-hati berbanding pelajar intuitif; Pelajar intuitif dapat menyelesaikan sesuatu kerja dalam masa yang singkat dan lebih berinovatif berbanding pelajar sensor. Pelajar sensor suka pembelajaran yang dapat dikaitkan dengan dunia sebenar; pelajar intuitif tidak suka pembelajaran yang banyak menghafal.

Menurut Felder & Soloman (2001) semua individu adalah kadangkala sensor dan kadangkala intuitif. Kebarangkalian seseorang untuk berada dalam salah satu kategori mungkin boleh jadi kuat, sederhana, atau lemah. Untuk menjadi seorang pelajar yang efektif dan penyelesai masalah pelajar perlu kedua-duanya. Jika anda cenderung kepada pelajar intuitif sahaja, mungkin tidak dapat memberi penekanan kepada maklumat penting atau melakukan kecuaiian dalam pengiraan atau kerja menggunakan tangan (hands-on work); jika anda cenderung kepada pelajar sensor sahaja, anda terlalu banyak bergantung kepada penghafalan dan kaedah-kaedah biasa dan tidak menumpukan tentang pemahaman dan pemikiran inovatif.

1.11.3 Pelajar visual dan verbal

Menurut Felder & Soloman (2001) pelajar-pelajar visual ingat apa yang mereka lihat seperti gambar, gambarajah, carta aliran, jadual, filem, dan demonstrasi. Pelajar-

pelajar verbal mudah memahami dengan kata-kata seperti penerangan sama ada bertulis dan lisan. Setiap individu akan mudah mendapat maklumat apabila maklumat disampaikan secara visual dan lisan.

Menurut Felder & Soloman (2001) kebiasaannya dalam kelas maklumat visual sangat sedikit dipraktikkan: pelajar-pelajar mendengar syarahan dan membaca bahan bacaan bertulis di papan putih, buku teks dan lembaran kerja. Malangnya, kebanyakan individu adalah pelajar visual kerana mereka boleh mendapat lebih maklumat jika penyampaian secara visual digunakan dalam kelas. Pelajar yang baik berupaya memproses maklumat yang diperolehi sama ada secara visual atau secara lisan.

1.11.4 Pelajar sekuen dan global

Menurut Felder & Soloman (2001) pelajar-pelajar sekuen mudah untuk memahami pembelajaran dalam langkah-langkah yang berurutan secara logik. Pelajar-pelajar global mempelajari sesuatu secara rambang tanpa melihat perkaitan-perkaitan di antaranya. Pelajar-pelajar sekuen menyelesaikan masalah dengan mengikut langkah demi langkah; pelajar-pelajar global dapat menyelesaikan masalah-masalah yang kompleks dalam masa yang singkat tetapi mereka mungkin mempunyai kesukaran untuk menjelaskan bagaimana mereka melakukannya.

Menurut Felder & Soloman (2001) pelajar-pelajar sekuen mungkin tidak memahami sepenuhnya kandungan pembelajaran tetapi mereka boleh melakukan sesuatu dengannya (menyelesaikan masalah-masalah kerja rumah atau lulus ujian) kerana mereka telah mengikuti pembelajaran tersebut secara langkah demi langkah. Manakala pelajar-pelajar global akan memahami pembelajaran setelah mereka

mempelajari keseluruhan kandungan pembelajaran yang berkaitan. Walaupun selepas mereka memahami, akan timbul kekeliruan tentang isi sesuatu matapelajaran. Bagi pelajar sekuen, mereka tahu lebih banyak tentang sesuatu aspek dalam matapelajaran secara spesifik tetapi mempunyai masalah untuk mengaitkan suatu aspek dengan aspek yang lain dalam satu matapelajaran atau matapelajaran yang lain.

1.11.5 Pencapaian akademik

Pencapaian akademik bermaksud hasil yang diperolehi oleh pelajar-pelajar setelah mempelajari sesuatu disiplin ilmu pengetahuan (Kamus Dewan, 1994).

Beberapa kajian menyatakan pelajar yang mengamalkan kemahiran belajar mempunyai pencapaian akademik yang tinggi dan sebaliknya (Al-Hilawani dan Sartawi, 1997; Blustein, Judd, Viniar, Padilla, Wedemeyer, and Williams, 1986).

Pencapaian akademik yang cemerlang bermaksud penguasaan ilmu pada tahap yang sangat baik menurut ukuran-ukuran tertentu misalnya menerusi ujian atau peperiksaan (Sulaiman, 1996).

Pencapaian akademik merupakan tahap penguasaan yang dicapai oleh seseorang pelajar dalam pembelajarannya. Menurut Shamsuddin (1990, dalam Badrunsham Dahlan @ Omar, 1991) pencapaian akademik membawa maksud prestasi atau tingkat kecekapan yang dicapai oleh pelajar-pelajar di dalam bidang pendidikan formal atau persekolahan melalui ujian dan peperiksaan yang diberi.

Ya'akub Isa (1996) menjelaskan akademik sebagai sifat yang menggambarkan unsur autoriti yang berkaitan dengan pendidikan lebih kepada sifat teori dan logik. Beliau juga menjelaskan pencapaian adalah keadaan jenis ujian yang dibentuk dengan

tujuan untuk mengukur tahap pembelajaran yang telah diperolehi dalam satu-satu kemahiran bidang yang dilalui.

1.11.6 Gaya pembelajaran

Gaya pembelajaran didefinisikan sebagai perbezaan antara individu dalam cara maklumat diterima, diproses dan dimaklumbalas (Campbell, Campbell & Dickinson, 1999 seperti dalam Haar et al, 2002) dan penggunaan bahan pembelajaran yang sesuai (Gadt-Johnson, 2000).

Isu gaya pembelajaran telah menjadi satu isu yang penting dua dekad yang lalu. Pelajar yang diajar mengikut gaya pembelajaran yang sesuai dengan mereka mempunyai pencapaian yang baik berbanding pelajar yang diajar dengan strategi pembelajaran (Salend, 1998).

Cara bagaimana seseorang itu belajar dengan menjalani proses sosial berdasarkan dua dimensi iaitu memahami maklumat dan menukarkan maklumat (Othman Mohamed, 1997)

Gaya pembelajaran Reid dibahagikan kepada enam jenis iaitu visual, pendengaran, pergerakan, sentuhan, kumpulan dan individu. Sebagai tambahan Reid membina enam hipotesis (1987, 1995 seperti dalam Peacock, 2001) di bawah :

H¹ : Semua pelajar mempunyai gaya belajar sendiri dan setiap gaya belajar itu ada kekuatan dan kelemahannya.

H² : Gaya pembelajaran dan pembelajaran yang tidak sepadan akan menyebabkan pembelajaran itu gagal.

H³ : Gaya pembelajaran adalah berkaitan dengan kaedah dan bahan pengajaran.

H⁴ : Gaya pembelajaran boleh diubahsuai dari semasa ke semasa.

H⁵ : Pembelajaran boleh ditingkatkan jika pelajar memahami bahawa terdapat pelbagai gaya pembelajaran.

(Peacock, 2001, p.2)

Reid memberi penekanan terhadap hipotesis 4 iaitu gaya pembelajaran boleh diubahsuai. Andaian ini disokong oleh Fielding (1994) yang menjalankan kajian menggunakan Honey and Mumford's 1968 Learning Style Questionnaire (seperti dalam Veronica & Lawrence, 1997). Berdasarkan andaian ini, jika gaya pembelajaran boleh diubah maka perubahan faktor persekitaran menyebabkan gaya pembelajaran juga berubah. Dengan itu, gaya pembelajaran visual boleh berubah kepada gaya pembelajaran pergerakan atau gaya pembelajaran audio boleh berubah kepada gaya pembelajaran visual dan sebagainya.

Gaya pembelajaran adalah satu faktor kejayaan pelajar-pelajar di peringkat pengajian yang lebih tinggi (Sarasin, 1998)(seperti dalam Stokes, S. P. (2003)). Gaya pembelajaran telah dikategorikan dalam banyak cara dengan tiada satu model diterima secara umum, walaupun kebanyakan adalah dikategorikan mengikut persekitaran, deria modaliti, jenis personaliti, atau gaya kognitif (Leaver, 1997)(seperti dalam Stokes, S. P. (2003)). Tanpa menghiraukan klasifikasi tersebut, lebih banyak pembelajaran berlaku apabila strategi pengajaran adalah sepadan dengan gaya pembelajaran pelajar.

Apabila pelajar-pelajar menyedari tentang gaya pembelajaran mereka maka teknik-teknik boleh digunakan untuk memaksimumkan pembelajaran, terutamanya apabila gaya pengajaran berbeza dari gaya pembelajaran pelajar. Felder dan Solomon (Felder, 1996)(seperti dalam Stokes, S. P. (2003)) mengemukakan Indeks Gaya Pembelajaran berdasarkan model Felder-Silverman yang mana pelajar kolej

diklasifikasikan sebagai pelajar sensor atau pelajar intuitif, pelajar visual atau pelajar verbal, pelajar aktif atau pelajar reflektif dan pelajar sekuen atau pelajar global. Felder dan tokoh-tokoh yang lain (ie., Kolb, 1984; Sarasin, 1998) (seperti dalam Stokes, S. P. (2003)), mensarankan penggunaan pendekatan pengajaran yang pelbagai untuk dipadankan dengan gaya pembelajaran pelajar yang bertujuan untuk meningkatkan pembelajaran pelajar.

1.11.7 Sikap

Sikap wujud dalam pemikiran tetapi ia tidak dapat dilihat secara langsung. Eagly & Chaiken (1993) menyatakan bahawa sikap mempunyai tiga fungsi iaitu sikap membolehkan seseorang memaksimumkan ganjaran dan meminimumkan hukuman, membolehkan seseorang melindungi diri mereka daripada sesuatu yang tidak menyenangkan dan membolehkan seseorang menyatakan nilai diri dan konsep diri.

Menurut Eagly & Chaiken (1993) sikap ialah kecenderungan psikologikal yang diterangkan dengan menilai sesuatu dengan kadar suka atau tidak suka. Jika kecenderungan merespons telah dibentuk, seseorang itu telah membentuk sikap terhadap suatu objek. Representasi mental sikap mungkin disimpan dalam ingatan dan dapat diaktifkan dengan kehadiran objek. Sikap tidak dapat dilihat secara langsung tetapi dapat dirujuk daripada respons yang dapat dilihat. Sikap digunakan oleh para ahli psikologi untuk menerangkan mengapa orang bertindak dengan cara tertentu. Sikap bersifat sementara dan boleh diubah jika ia tidak begitu penting kepada orang-orang yang memiliki sikap tersebut.

Menurut Eagly & Chaiken (1993) kategori kognitif mengandungi pemikiran dan kepercayaan yang ada tentang objek sikap, kategori afektif mengandungi



perasaan dan emosi yang ada kaitannya dengan objek sikap manakala kategori tingkahlaku meliputi aksi berkaitan dengan objek sikap. Pada amnya, jika seseorang menilai suatu objek sikap dengan positif, ia akan mempunyai respons yang positif. Sebaliknya jika penilaiannya negatif, respons dan tindakannya juga negatif.

Deaux et al (1993) mendefinisikan sikap sebagai indeks pemikiran dan perasaan individu tentang orang, objek dan isu dalam persekitaran mereka. Sikap memberikan petunjuk kepada tingkahlaku yang membolehkan kita meramal bagaimana seseorang akan bertindak apabila mereka bertemu dengan sesuatu yang menjadi pegangan mereka. Sikap dipengaruhi oleh jantina, kaum, agama, pendidikan dan kelas sosial. Sosialisasi ibubapa, pendidikan, pelajaran agama, pendedahan media massa dan interaksi dengan orang lain ialah sumber utama pembentukan sikap.

